

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR  
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SINAR HARIAN  
TARIKH : 27 APRIL 2017

KERATAN AKHBAR

38 KUALA LANGAT . SEPANG KHAMIS 27 APRIL 2017 • SINAR HARIAN  
REBUNG SIDANG KUALA LANGAT / SEPANG, NUBUS FIRDAUS KHARI • 019-8809920 019-371086

## Jamal desak penjelasan Azmin

Isu kelulusan pembangunan di kawasan tadahan air Paya Indah Wetland

**NUBUS FIRDAUS KHARI**

DENGKIL - Pengerusi Gabungan NGO Negeri Selangor, Datuk Seri Jamal Md Yunus mendesak kerajaan negeri melalui kepimpinan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali memperjelaskan sama ada benar projek bernilai RM30 bilion yang diluluskan di kawasan tadahan air Paya Indah Wetland, Dengkil mempunyai kaedah dengan PRU14 nanti.

Memerumya, lokasi itu sebenarnya kawasan yang dipulihara sejak zaman pemerintahan BN dengan pelbagai permohonan telah dibuat tetapi kerajaan negeri tidak meluluskan.

"Bermasuk ketika mantan Menteri Besar, Tan Sri Khalid Ibrahim, biarpun ada empat permohonan untuk me-

majukan kawasan ini tetapi ia dikeskalkan sebagai kawasan tadahan hujan dan perlindungan hidupan liar seperti burung.

"Tetapi malangnya setelah sebuah syarikat membeli tanah ini daripada syarikat asal dan dalam tempoh dua minggu pembelian tanah itu, kerajaan negeri dipercayai telah meluluskan permohonan tersebut untuk dimajukan sebagai bandar baru.

"Ini adalah khazanah yang perlu diwariskan kepada generasi akan datang terutamanya untuk penduduk di Selangor", katanya kepada pemberita dalam Sidang Media Kerajaan Kerajaan Negeri Selangor. Menjalankan Projek Bernilai RM30 Bilion di kawasan Tadahan Air Paya Indah Wetlands, Dengkil semalam.

Jamal berkata, beliau mempertikaikan mengapa kerajaan negeri kini terburu-buru memberi kelulusan kepada syarikat tersebut untuk memajukan kawasan berkenaan.

"Adakah sebab dengan kontrak bernilai RM30 bilion itu?"

"Tidakkan itu seperti mereka tak fikirkan pencemaran alam sekitar dan saya yakin kelulusan kerajaan negeri di bawah pimpinan Azmin ada kaitan dengan PRU yang akan datang.

"Jadi kami rakyat Selangor tidak rela kawasan ini dibangunkan sehingga menyebabkan bencana alam berlaku", katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Arked, Ngadenin Musa, 49 berkata, pihak syarikat ber-



Jamal membuat tinjauan kawasan tadahan air Paya Indah Wetland dan menuntut penjelasan kerajaan negeri berkaitan isu berkenaan.

keraan berjanji akan membina tujuh kolam tadahan bagi mengelakkan risiko banjir berlaku namun penduduk tetap bimbang kerana tiada jaminan sama ada berlaku banjir atau tidak kerana projek masih ditajalkan.

Katanya lagi, buat masa ini tujuh rumah sudah ber-

depan dengan keretakan terutamanya rumah berhampiran laluan keluar masuk kenderaan berat untuk projek tersebut.